



HURIL-AIN MARINDA HUSSAINI, ANDI SUWIRTA &  
ABDUL RAZAQ AHMAD

## Perkembangan Nasionalisme dan Perjuangan Kemerdekaan: Perbandingan Naratif dalam Buku Teks Sejarah SMA Kelas 11 di Indonesia dan Sejarah Tingkatan 4 di Malaysia

**IKHTISAR:** Kertas ini membincangkan tentang kebangkitan semangat nasionalisme di Indonesia dan Tanah Melayu sehingga detik-detik ke arah kemerdekaan selepas tamatnya Perang Dunia Kedua (1939-1945). Dengan mengguna-pakai kaedah sejarah dan pendekatan kualitatif, kertas ini turut menyentuh pula analisis buku teks sejarah untuk sekolah menengah bersabit detik mencapai kemerdekaan dan peranan tokoh-tokoh kemerdekaan bagi kedua-dua negara, iaitu Indonesia dan Malaysia. Dapatan menunjukkan bahawa banyak pengajaran yang dapat dipelajari apabila melihat kesukaran yang perlu mereka tempuhi di sepanjang proses untuk mencapai kemerdekaan. Idea nasionalisme yang radikal digunapakai untuk memperolehi kemerdekaan di Indonesia secara revolusi. Manakala di Tanah Melayu, kemerdekaan diperolehi melalui rundingan dan bertolak-asur secara hemah dan damai. Walau bagaimanapun, kita harus menghargai kemerdekaan yang telah diperjuangkan, diperolehi, dan dinikmati pada hari ini untuk generasi akan datang.

**KATA KUNCI:** Nasionalisme; Kemerdekaan; Revolusi dan Diplomasi; Indonesia dan Malaysia.

**ABSTRACT:** "The Development of Nationalism and the Struggle for Independence: A Narrative Comparison in the History Textbooks of Grade 11 Senior High School in Indonesia and History for Level 4 in Malaysia". This paper discusses the rise of nationalism in Indonesia and Malaya until the moments towards independence after the end of the Second World War (1939-1945). By using the history method and qualitative approach, this paper also touches on the analysis of history textbooks for secondary schools regarding the moment of achieving independence and the role of independence figures for both countries, namely Indonesia and Malaysia. The findings show that many lessons can be learned when looking at the difficulties they had to overcome throughout the process to achieve independence. The idea of ??radical nationalism was used to gain independence in Indonesia through revolution. Meanwhile, in Malaya, independence was obtained through negotiations and compromises in a gentle and peaceful manner. However, we must appreciate the independence that has been fought for, gained, and enjoyed today for future generations.

**KEY WORD:** Nationalism; Independence; Revolution and Diplomacy; Indonesia and Malaysia.

**About the Authors:** Huril-Ain Marinda Hussaini ialah Alumna Pelajar Sarjana Pendidikan Sejarah, Fakulti Pendidikan UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia); dan Guru SMK (Sekolah Menengah Kebangsaan), Jalan Klang Banting, Pekan Telok, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor, Malaysia. Dr. Andi Suwirta ialah Pensyarah Kanan pada Jabatan Pendidikan Sejarah FPIPS UPI (Fakulti Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial, Universiti Pendidikan Indonesia) di Bandung. Prof. Dato Dr. Abdul Razaq Ahmad ialah Pensyarah pada Fakulti Pendidikan UKM Bangi, Selangor, Malaysia. Alamat emel: [hurriel\\_ain@yahoo.com](mailto:hurriel_ain@yahoo.com)

**Suggested Citation:** Hussaini, Huril-Ain Marinda, Andi Suwirta & Abdul Razaq Ahmad. (2026). "Perkembangan Nasionalisme dan Perjuangan Kemerdekaan: Perbandingan Naratif dalam Buku Teks Sejarah SMA Kelas 11 di Indonesia dan Sejarah Tingkatan 4 di Malaysia" in SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah, Volume 14(2), September, hlm.45-72. Bandung, Indonesia dan Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: MINDAMAS Foundation, ASPENSI, dan PERSEBAR with ISSN 2302-5808 (print) dan ISSN 2684-7388 (online).

**Article Timeline:** Accepted (July 27, 2026); Revised (Agustus 24, 2026); and Published (September 15, 2026).

## PENGENALAN

Sambutan Hari Kemerdekaan adalah kemuncuk kepada sesuatu pencapaian negara, yang bebas dan merdeka pada setiap tahun. Indonesia yang terlebih dahulu Merdeka, iaitu 17 Ogos 1945, dan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Sejarah perjuangan kemerdekaan perlu di ingati setiap tahun agar menjadi asas kepada kesinambungan integriti politik, ekonomi, sosial, dan budaya sesebuah negara-bangsa yang merdeka dan berdaulat (Legge, 1964; Mahayana, 2007; Zakaria, 2015).

Dasar yang dilaksanakan oleh Belanda, yang bersifat penindasan dan diskriminasi dalam sistem pemerintahannya, telah menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk Indonesia pada ketika itu. Begitu juga dengan kehadiran Jepun (1942-1945), yang pastinya ada baik dan buruknya. Proklamasi Kemerdekaan Indonesia adalah titik permulaan kepada sebuah negara yang merdeka, berdaulat, adil, dan makmur (Legge, 1964; Suwirta, 1999).

Di Malaysia, akibat penjajahan beberapa buah kuasa Eropah dan Asia menjadikan iklim Malaysia sukar diramal, kerana ada keburukan dan kebaikannya. Semasa kehadiran British di Tanah Melayu (1824-1957), ada golongan yang menentang dan ada juga golongan yang menyokong. Begitu juga apabila kehadiran Jepun di Tanah Melayu (1941-1945), wujud golongan yang mahukan jadi talibarut pada satu segi, dan anti Fasisme Jepun pada satu segi yang lain (Kratoska, 2018; Hussiin, 2023).

Begitu pula dengan kehadiran dan ancaman Komunis di Tanah Melayu pada 1948, ada sesetengah golongan yang menghidupkan fahaman Komunis dan sebahagian besar pastinya menentang fahaman tersebut. Kesannya, terdapat beberapa peristiwa yang berlaku sebelum ini mencorakkan beberapa peristiwa yang berlaku kemudiannya (Kheng, 2012; Athirah, 2021).

Bagi memastikan negara-negara itu kekal merdeka dan berdaulat, pelbagai langkah telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin negara, seperti mempunyai undang-undang dan sistem pentadbiran yang cekap. Semangat nasionalisme dan cintakan Tanah Air juga perlu difahami, dikenal-pasti, dihayati, serta diamatkan dalam konteks negara-bangsa sekarang.

## KAEDAH PENGAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dengan mengkaji dan menganalisis jurnal, artikel, prosiding, buku, dan pelbagai sumber literatur lainnya (Arcanita et al., 2023; Zed, 2025). Kajian dilakukan bagi mengukuhkan dan menjelaskan tentang semangat nasionalisme, kemerdekaan, dan peranan pemimpin-pemimpin yang memperjuangkan kemerdekaan di kedua-dua buah negara-bangsa, iaitu Indonesia dan Malaysia.

Kaedah sejarah dengan pendekatan kualitatif juga dilakukan (Creswell, 2007; Sjamsuddin, 2020), khasnya mengguna-pakai buku-buku teks sejarah untuk sekolah menengah atas, samada di Indonesia mahupun di Malaysia. Kupasan kandungan buku-buku teks berkenaan dilakukan bagi memastikan dasar kerajaan pada dua-dua negara dalam menaratifkan dan mentafsirkan peristiwa dan tokoh-tokoh sejarah, yang ada peranan dalam perkembangan nasionalisme dan proses perjuangan kemerdekaan (cf Sardiman & Lestariningsih, 2014; Hasan et al., 2019).

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kebangkitan Semangat Nasionalisme di Indonesia. Nasionalisme sering kedengaran ketika bercerita mengenai sejarah kemerdekaan Indonesia. Lahirnya “bangsa Indonesia” adalah kesan daripada kesedaran kebangsaan, yang mana lahirnya semangat untuk membebaskan Tanah Air tercinta dari kolonialisme Belanda pada waktu itu. Semangat ini lahir dan bertujuan untuk membentuk sebuah negara-bangsa yang merdeka, membuatkan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik, suku-bangsa, kaum bersatu, yang kemudiannya membentuk identiti politik dan perpaduan nasional yang tersendiri, iaitu “Nasionalisme Indonesia” (Sardiman & Lestariningsih, 2014; Alfaq, 2015).

Nasionalisme adalah sebuah gagasan mengenai kesatuan kebangsaan dalam suatu wilayah politik kenegaraan. Antara faktor yang menimbulkan semangat nasionalisme di kalangan bangsa Indonesia adalah disebabkan oleh dasar pentadbiran Belanda. Walaupun Dasar Politik Etika yang diperkenalkan oleh Belanda pada 1901 adalah satu dasar yang dikatakan membantu kedudukan kewangan Belanda dan kebajikan bangsa Indonesia dengan mengeksploitasikan ekonomi Indonesia semasa Dasar Kultur (1830-1870) dan Dasar

Ekonomi Terbuka (1870-1901) dilaksanakan, namun tetap terdapat unsur diskriminasi dalam dasar pentadbiran tersebut, yang mana menimbulkan rasa tidak puas hati “bangsa Indonesia” (Smith, 1976; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Dalam aspek pengagihan jawatan atau kedudukan dalam sistem pentadbiran Belanda juga telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan bangsa Indonesia, kerana orang Belanda dan Eropah telah diberikan jawatan atau kedudukan yang tinggi; manakala golongan elit tempatan diberi jawatan yang lebih rendah, malahan ada di antara mereka yang menganggur. Oleh itu, golongan elit tempatan ini telah memilih untuk menjadi guru, walaupun gaji yang ditawarkan rendah kerana di sekolah, mereka boleh menyebarkan semangat nasionalisme. Perasaan tidak puas hati ini semakin membuak-buak apabila mengetahui bahawa gaji pekerja bangsa Indonesia diberikan lebih rendah berbanding orang Belanda dan Eropah, walaupun melakukan kerja yang sama (Legge, 1964; Kahin, 2013; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Selain dari sektor pekerjaan, isu diskriminasi juga berlaku secara berleluasa di bidang kehakiman dan perundangan. Keadaan ini menyebabkan hak-hak rakyat Indonesia tidak dapat dipertahankan dengan sepenuhnya. Tidak terkecuali juga di bidang pendidikan, apabila kemudahan bagi rakyat Indonesia adalah terhad berbanding kemudahan yang disediakan untuk anak-anak orang Eropah. Hal ini berlaku apabila peluang untuk anak-anak bagi rakyat Indonesia melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi adalah rendah, yang disebabkan kos pengajian yang dikenakan agak tinggi, sedangkan pendapatan ibu bapa adalah rendah (Elson, 2008; Kahin, 2013; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Selain daripada sebab pentadbiran Belanda yang mencetuskan semangat nasionalisme di kalangan rakyat Indonesia, terdapat juga beberapa faktor lain. Antaranya adalah samada faktor dalaman mahupun luar:

Pertama, Faktor Dalaman: Kemunculan Golongan Berpendidikan Barat. Dasar Politik Etika (1901) telah melahirkan mereka yang berpendidikan Barat di Eropah dan di Indonesia. Pendidikan Barat ini diterapkan bertujuan supaya mereka lebih cenderung kepada budaya dan pemikiran Belanda. Antara sekolah berpendidikan Barat, yang telah didirikan pada tahun 1900-an di Indonesia adalah:

OSVIA (School for Training Native Government Officials) dan STOVIA (School for Training Native Doctors). Bahkan sejak 1914 lagi, pendidikan jenis Barat telah diperluaskan ke peringkat sekolah menengah dan rendah, yang mana rakyat Indonesia didedahkan dengan kurikulum melibatkan Bahasa Belanda, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik, dan Seni (Lapidus, 2002; Kahin, 2013; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Kedua, Faktor Dalam: Penubuhan Volksraad atau Dewan Rakyat. Selain dari menjadi salah satu percubaan untuk menyediakan rakyat Indonesia berkerajaan sendiri, pembentukan Volksraad dan majlis perwakilan tertinggi untuk seluruh Indonesia juga antara faktor yang menyumbang kebangkitan semangat nasionalisme di Indonesia. Walaupun bilangan ahli di dalam Majlis telah bertambah, namun majoriti kuasa masih ditangan kerajaan Belanda, yang mana kuasa yang diberikan kepada Majlis adalah sangat terhad. Majlis hanya berfungsi sebagai penasihat, termasuk hak untuk mencadangkan pembaharuan kepada Gabenor Jeneral Belanda. Pada 1918, majoriti ahli adalah pegawai Eropah. Hal ini menunjukkan bahawa Belanda sememangnya dari awal tidak berniat untuk menyerahkan sebahagian kuasa kepada rakyat Indonesia. Namun pembaharuan telah dilakukan pada 1922, yang melibatkan penggubalan perlembagaan pada 1925. Kesan dari pembaharuan tersebut, bidang kuasa Volksraad telah diperluaskan, walaupun tidak secara keseluruhannya (Vlekke, 1959; Kahin, 2013; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Ketiga, Faktor Dalam: Peranan Agama Islam. Islam merupakan satu saluran penting dalam kebangkitan semangat nasionalisme Indonesia yang moden dan matang. Para pemimpin menggunakan sentimen semangat persaudaraan telah menjadikan Islam sebagai wadah untuk menggerakkan perjuangan mereka. Contohnya, SDI (Sarekat Dagang Islam) asalnya menggunakan nama Islam sebagai penyatuan untuk melindungi ekonomi batik peniaga tempatan dengan peniaga China. Namun, pada 1912, selepas nama ditukar kepada SI (Sarekat Islam), organisasi berusaha ke arah kemajuan masyarakat melalui persaudaraan, perpaduan, dan kerjasama dalam kalangan semua umat Islam (Singh, 1961; Noer, 1991; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Keempat, Faktor Dalam: Wujud Gerakan Reformasi Islam Indonesia. Satu lagi golongan yang menjadi pemimpin dalam

gerakan nasionalisme Indonesia ialah golongan Islam moden. Mereka ini adalah golongan berpendidikan Islam di Timur Tengah atau di Indonesia. Kemunculan pergerakan reformasi Islam ini, terutamanya di penghujung abad ke-19 dan di awal abad ke-20, disebabkan oleh faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman adalah disebabkan oleh kemunculan graduan-graduan yang balik dari pusat pengajian Islam di Timur Tengah, yang memperluaskan rangkaian sekolah agama. Sekolah-sekolah ini telah menggabungkan kurikulum agama dengan pengajian bersifat sekular, iaitu Sejarah, Geografi, Matematik, dan beberapa mata pelajaran moden yang lain. Manakala faktor luaran pula ialah hubungan yang terjalin erat dengan pusat pengajian Islam, akibat daripada kemudahan untuk berkomunikasi antara Timur Tengah dan Nusantara dengan adanya kapal wap dan pembukaan terusan Suez. Kesannya, ramai pelajar Jawa menuntut di Mekah, Madinah, dan Universiti Al-Azhar di Kaherah, Mesir (Noer, 1991; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Kelima, Faktor Dalaman: Peranan Bahasa Melayu/Indonesia. BM (Bahasa Melayu), yang kemudiannya menjadi BINA (Bahasa Indonesia), merupakan lingua franca di Alam Melayu sejak abad ke-7 hingga abad ke-15 turut memainkan peranan penting dalam perkembangan nasionalisme Indonesia. BM mula dititikberatkan pada pertengahan abad ke-19, apabila digunakan sebagai bahasa pentadbiran kolonial Belanda, dan pada 1865 pula telah dijadikan bahasa rasmi kedua dalam pentadbiran, selepas Bahasa Belanda. BM juga mudah dipelajari dan telah menjadi bahasa utama di beberapa pusat perdagangan di Kepulauan Timur, kesan daripada peningkatan aktiviti perdagangan antara pulau. BM juga telah menjadi bahasa utama dalam pengucapan pemimpin-pemimpin Indonesia bagi menggerakkan semangat nasionalisme. BM kemudiannya ditukar nama menjadi BINA dalam peristiwa Sumpah Pemuda pada 1928 (Foulcher, 2000; Collins, 2005; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Keenam, Faktor Dalaman: Perkembangan Akhbar. Hampir semua akhbar dan majalah, terutama kewartawanan dalam BINA (Bahasa Indonesia), memainkan peranan dalam menyuarakan pandangan masyarakat tempatan, yang seterusnya menjadi faktor penting dalam menjatuhkan kerajaan kolonial Belanda. Akhbar tempatan dalam BM

(Bahasa Melayu) mula diterbitkan menjelang akhir abad ke-19. Balai Pustaka juga telah didirikan pada 1908 sebagai sebuah pusat penerbitan berorientasikan BM/BINA. Organisasi-organisasi pergerakan nasionalisme juga telah menerbitkan akhbar dan majalah sendiri, seperti organisasi Budi Utomo (1908) menerbitkan surat khabar Retnodhoemilah, Darmokondo, dan Goeroe Desa; Sarekat Islam (1912) pula telah menerbitkan Oetoesan Hindia, Kaoem Moeda, Pantjaran Warta, Sinar Djawa, Medan Moeslimin, dan Sarotomo; manakala Indische Partij (1912) memiliki surat khabar De Expres, Het Tijdschrift, Tjahaja Timoer, dan Persatoean Hindia; serta Muhamadiyah (1912) memiliki surat khabar Pandji Islam, Penaboer, dan Adil. Pemilihan nama surat khabar adalah mencerminkan pandangan, cita-cita, dan pendirian para pengelola dan telah disesuaikan dengan semangat yang ingin dibawa pada masa itu. Idea-idea kesedaran kebangsaan serta pendirian organisasi tertera di akhbar dan majalah masing-masing (Suwirta, 1999; Adam, 2003; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Ketujuh, Faktor Dalaman: Kenangan Kejayaan Masa Lampau. Kriteria utama untuk sesebuah negara ialah satu komuniti yang mempunyai mitos dan sejarah bersama. Sejarah yang unggul sesuatu tempat juga antara faktor yang boleh meningkatkan semangat nasionalisme rakyat. Melalui sejarah tersebut, rakyat dapat mengimbuai zaman kegemilangan kerajaan terdahulu dan mulai sedar bahawa sesebuah negara boleh dibangunkan walau tanpa adanya kuasa Barat, seperti Empayar Srivijaya dan Empayar Majapahit, suatu ketika dahulu di Indonesia (Smith, 1976; Sardiman & Lestariningsih, 2014; TEM Tempo, 2015).

Kelapan, Faktor Luaran: Pengaruh Gerakan-gerakan Nasionalisme di Dunia. Terdapat peristiwa-peristiwa yang telah membangkitkan semangat nasionalisme rakyat Indonesia, yang mana ia telah menggalakkan pemimpin Indonesia untuk menuntut hak mereka daripada pentadbiran Belanda. Antaranya ialah peristiwa perjuangan Filipina terhadap Sepanyol dan pendudukan awal Amerika Syarikat pada akhir kurun ke-19. Selain itu peristiwa penggulingan Empayar Manchu di China pada 1911 oleh golongan nasionalis China; dan kekalahan Rusia di Tsushima pada 1905 dalam Perang Russo-Jepun (Vlekke, 1959; Kahin, 2013; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Kesembilan, Faktor Dalam: Kemajuan Infrastruktur. Sistem komunikasi dapat dilakukan dengan cepat dan meluas melalui kemajuan dalam bidang infrastruktur, hasil daripada Dasar Politik Etika Belanda pada 1901. Keadaan ini membolehkan perhubungan bagi negara, seperti Indonesia, menjadi mudah dan cepat, memandangkan negara tersebut mempunyai 17,000 buah pulau. Ini membolehkan pemimpin-pemimpin nasionalis Indonesia menggunakan sistem pengangkutan moden untuk bertemu-mesra dengan rakyatnya. Kesannya, mesej yang bertujuan membangkitkan semangat nasionalisme di kalangan rakyat boleh disampaikan dengan mudah dan cepat (Sardiman & Lestariningsih, 2014; Festiyani, 2024).

Kesepuluh, Faktor Dalam: Sumbangan Individu Pemimpin. Beberapa individu telah mengambil inisiatif dengan menggerakkan semangat nasionalisme penduduk Indonesia, seperti Raden Adjeng Kartini, Raden Mas Tirtoadisuryo, Wahidin Sudirohusodo, Achmad Dahlan, Tjokroaminoto, dan sebagainya. Wujud pula individu-individu pemimpin yang menonjol dan menjadi simbol bagi semangat nasionalisme dan persatuan Indonesia, seperti Soekarno dan Mohamad Hatta. Dua individu inilah yang mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia pada 17hb Ogos 1945, selepas berjuang dengan getir, menderita, dan dibuang negeri oleh kerajaan kolonial Belanda pada 1930-an dan berkolaborasi politik dengan kerajaan tentera Jepun pada 1940-an (Legge, 1985; Sardiman & Lestariningsih, 2014; Noer, 2018).

Kebangkitan Semangat Nasionalisme di Tanah Melayu. Kesedaran tentang “bangsa” dan “negara” mulai muncul sejak zaman tradisional, iaitu dari zaman Kesultanan Melayu Melaka. Namun usaha memperjuangkan kemerdekaan lebih jelas menjelang abad ke-20. Golongan elit terdidik daripada bangsa Melayu mula bangkit dan meneroka idea nasionalisme. Apatah lagi pada masa penjajahan Jepun dan setelah Jepun meninggalkan Tanah Melayu, ekoran tewas kepada tentera Sekutu dalam Perang Dunia II pada 1945, semangat nasionalisme mula mensebar luas di Tanah Melayu. Amnya, penduduk Tanah Melayu pada ketika itu lebih memilih untuk menggunakan persatuan dan media massa sebagai saluran meluahkan perasaan tidak puas hati kepada penjajah British (Andaya & Andaya, 2001; Roff, 2003; Hasan et al., 2019).

Jadi, semangat nasionalisme itu mula semakin membara apabila Jepun yang melaungkan slogan “Asia untuk Orang Asia” memerintah dengan kejam. Pada waktu yang sama, beberapa orang pemimpin KMM (Kesatuan Melayu Muda), yang telah dipenjarakan oleh British, telah dibebaskan dan KMM telah dipulihkan semula di bawah pimpinan Ibrahim Haji Yaacob. Walaupun Jepun kalah dalam Perang Dunia Kedua dan British telah kembali semula ke Tanah Melayu, namun perjuangan melalui semangat kemerdekaan tetap diteruskan (Andaya & Andaya, 2001; Kratoska, 2018; Hasan et al., 2019).

Semangat nasionalisme bangkit dalam kalangan penduduk Tanah Melayu hasil penjajahan oleh kuasa asing, terutama sekali dari negara Barat, yang menyebabkan mereka merasa ingin mentadbir wilayah sendiri dan untuk mengelakkan Tanah Air terus dijajah, kedaulatan raja dipinggirkan, dan hasil bumi dikaut keluar dengan menindas penduduk tempatan. Dengan kesedaran ini penduduk tempatan berasakan sudah tiba masanya mereka menguasai bumi mereka sendiri dalam pelbagai aspek, terutama sekali dalam aspek politik dan ekonomi (Andaya & Andaya, 2001; Roff, 2003; Hasan et al., 2019).

Kebangkitan semangat nasionalisme di Tanah Melayu dipengaruhi oleh beberapa sebab, seperti faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman ialah perkara-perkara yang berlaku dalam Tanah Air, yang menyebabkan bangkit semangat nasionalisme tersebut; manakala faktor luaran ialah perkara-perkara yang berlaku di luar Tanah Melayu, seperti yang berlaku di Timur Tengah, India, Indonesia, dan China (Andaya & Andaya, 2001; Roff, 2003; Hasan et al., 2019).

Pertama, Faktor Dalaman: Penerbitan Karya. Pendidikan telah bermula di Tanah Melayu sejak awal lagi, namun tidak secara formal. Pada tahun 1934, sebuah sekolah telah ditubuhkan di Gunung Semanggol, Perak, iaitu Maahad Al-Ehya Assharif oleh seorang ulama iaitu Ustaz Abu Bakar al-Baqir. Selain mengikuti pengajian agama, Ustaz Abu Bakar al-Baqir sentiasa menggalakkan pelajarannya melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan, yang boleh membangunkan agama dan bangsa Melayu pada ketika itu. Ramai pelajar madrasah itu terlibat dalam penerbitan untuk menerbitkan karya-karya mereka, yang bertemakan semangat kebangsaan. Hal ini kerana pada masa itu Tanah Melayu masih dijajah oleh Inggeris. Akhbar-akhbar yang diterbitkan adalah seperti

Utusan Melayu, Warta Negara, dan Warta Kinta. Sumbangan yang dimainkan oleh akhbar sangat berkesan dan mudah untuk merebak ke seluruh Tanah Melayu, yang telah mewujudkan keinginan menubuhkan persatuan politik bagi memperjuangkan kemerdekaan (Roff, 2003; Hasan et al., 2019; Rosli, 2020).

Kedua, Faktor Dalaman: Penubuhan Persatuan. Seorang daripada murid Ibrahim Haji Yaakob telah menubuhkan KMM (Kesatuan Melayu Muda) di Gunung Semanggol pada 1937, dan kemudiannya ia dibuka secara rasminya di Kuala Lumpur pada tahun berikutnya. KMM merupakan satu pertubuhan politik bersifat kebangsaan yang pertama di Tanah Melayu. Pertubuhan ini berhasrat untuk menggulingkan pemerintahan British di Tanah Melayu dengan bertindak secara kekerasan dan ingin menyatukan Tanah Melayu dengan Indonesia. Antara bekas pelajar MPSI (Maktab Perguruan Sultan Idris) yang bergiat dalam KMM adalah Hassan Manan, Abduk Karim Rashid, dan Mohd Isa Mahmud. Selepas penubuhan pusat KMM di Kuala Lumpur, ahli-ahli KMM yang majoriti terdiri daripada guru-guru graduan MPSI mula menyebarkan sayap KMM ke pelusuk Tanah Melayu (Andaya & Andaya, 2001; Roff, 2003; Hasan et al., 2019).

KMM dan beberapa pertubuhan Melayu yang lain telah mengaturkan satu kongres Melayu di Kuala Lumpur pada Ogos 1939. Kongres kedua telah diadakan di Singapura pada Disember 1940. Kongres sepatutnya diadakan di Ipoh, Perak, pada 1941. Akan tetapi, kehendak itu terhalang apabila Perang Dunia Kedua meletus dan Tanah Melayu jatuh ke tangan Jepun pada 1941 (Andaya & Andaya, 2001; Kratoska, 2018; Hasan et al., 2019).

Ketiga, Faktor Luaran: Pengaruh Nasionalisme daripada Timur Tengah, India, Indonesia, dan China. Kebangkitan semangat nasionalisme di Tanah Melayu juga disebabkan pengaruh dari luar negara. Negara-negara luar seperti Timur Tengah, India, Indonesia, dan China pada awal abad ke-20 sedang sibuk memperjuangkan Tanah Air masing-masing daripada cengkaman penjajah. Kebangkitan ini memberi kesedaran kepada penduduk Tanah Melayu bahawa mereka juga perlu bangkit untuk membebaskan Tanah Melayu daripada pihak British (Andaya & Andaya, 2001; Roff, 2003; Hasan et al., 2019).

Di Timur Tengah, contohnya, Jamaluddin al-Afgani dan Muhammad Abduh sedang sibuk memperjuangkan ideologi pembaharuan Islam untuk membebaskan Mesir dari tangan British. Idea dan karya pemikiran mereka dalam akhbar Al-Manar telah tersebar ke Tanah Melayu, yang menekankan betapa penting orang Islam untuk kembali kepada agama dalam semua bidang, termasuk politik dan ekonomi. Selain itu budaya Barat yang semakin mengancam dunia Islam juga boleh dihindari dengan menghayati Al-Qur'an dan Al-Hadist. Idea-idea daripada Muhammad Abduh khasnya, telah mempengaruhi ramai pelajar Melayu yang kemudiannya menerbitkan majalah Seruan Azhar dan Pilehan Timoer di Tanah Melayu (Roff, 2003; Khambali@Hambali & Kadir, 2005; Hasan et al., 2019).

Di India, Parti Kongres Kebangsaan India, di bawah pimpinan Mahatma Gandhi, telah ditubuhkan pada 1885. Tujuannya ialah untuk menggerakkan semula pemikiran orang India tentang kedudukan mereka dan hak-hak mereka yang hilang selepas penjajahan British. Antara gerakan yang diambil ialah dengan mengadakan pemulauan terhadap barang-barang yang diimport oleh British dengan menyeru gerakan swadeshi, iaitu menyeru penduduk India supaya tidak membeli atau menggunakan barangan buatan British. Gerakan pembuangan semua gelaran yang diberikan oleh kerajaan British, pemulauan dewan perundangan, makhamah undang-undang, maktab dan sekolah kerajaan amat berkesan dan telah melemahkan kerajaan British menjadikan gerakan ini terkenal di Asia dan telah memberi inspirasi kepada gerakan nasionalisme di Tanah Melayu (Andaya & Andaya, 2001; Rukanda, 2008; Hasan et al., 2019).

Di Indonesia, wujud pertubuhan moden yang semula bercorak suku-bangsa (etenik) kemudiannya menjadi pertubuhan nasional (supra-etenik). Ideologi yang berkembang pula boleh dikenal-pasti mengikut kepada tiga aliran pemikiran politik, iaitu Nasionalisme, macam PNI (Parti Nasional Indonesia) dan GERINDRA (Gerakan Indonesia Raya); Agama Islam, macam Muhammadiyah, SI (Syarekat Islam), NU (Nahdlatul Ulama), dan MASYUMI (Majelis Syuro Muslimin Indonesia); serta Komunisme/Sosialisme, macam PKI (Parti Komunis Indonesia) dan PSI (Parti Sosialis Indonesia). Ideologi dan pertubuhan nasional yang rancak

tersebut ada kesan kepada gerakan nasionalisme di Tanah Melayu. Hatta, golongan nasionalis Melayu daripada kalangan Marhaen, bukan daripada kalangan Bangsawan, pada 1940-an mahukan mewujudkan ideologi “Melayu/Indonesia Raya”, iaitu gabungan dua negara-bangsa: Indonesia dan Tanah Melayu untuk Merdeka selepas tamat Perang Dunia II pada 1945. Namun ianya tidak berjaya, ekoran disekat oleh pihak British, serta kurang mendapat sokongan daripada Raja-raja Melayu dan golongan nasionalis Bangsawan daripada bangsa Melayu (Hasan et al., 2019; Cipta, Kanumoyoso & Darmawan, 2024; Utami, 2025).

Di China, sebuah gerakan nasionalisme dan revolusi yang dipimpin oleh Dr. Sun Yat-Sen telah bermula pada 1894 lagi. Tujuannya adalah untuk menggulingkan kerajaan Manchu. Nama pertubuhan beliau ialah Hsing Chung Hui (Pertubuhan Kebangkitan China) yang diasaskan di Honolulu, Hawaai. Setelah ia tidak berkembang, beliau menubuhkan Tung Ming Hui (Pertubuhan Liga Bersama) dengan menyebarkan idea-ideanya dalam akhbar Min Pao atau Akhbar Rakyat. Gerakan ini telah berjaya menarik minat rakyat China untuk melibatkan diri untuk menggulingkan Kerajaan Manchu. Akhirnya, Kerajaan Manchu berakhir pada 1911 dan bermulalah pemerintahan Republik Nasional China (Hasan et al., 2019; Aidan, 2020; Fathi, 2025).

Ke Arah Kemerdekaan Indonesia dan Kemerdekaan Tanah Melayu. Di Indonesia, peristiwa Amerika Syarikat menjatuhkan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki pada 6 dan 9 Ogos 1945 telah diambil peluang oleh para pemimpin Indonesia untuk mempercepatkan proklamasi kemerdekaan. Kesan dari peristiwa pengeboman tersebut, semangat tentera Jepun telah mulai goyah, seterusnya mereka menyerah kalah kepada Amerika Syarikat pada 15 Ogos 1945 (Anderson, 1980; Kahin, 2013; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Pertubuhan PPKI (Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia), pimpinan Soekarno dan Mohamad Hatta pada ketika itu, bersama Radjiman Wedyodiningrat, iaitu mantan Ketua BPUPKI (Badan Penyelidik Usaha-usaha Persiapan Kemerdekaan Indonesia) yang dianjurkan oleh kerajaan tentera Jepun, telah diterbangkan ke Dalat, berada di sebelah Timur Laut Saigon, Vietnam, sejauh 250 km, bagi bertemu Marsekal Terauchi. Mereka ke sana kerana telah kedengaran bahawa Jepun berada diambang kekalahan dan akan memberikan

kemerdekaan kepada Indonesia (Anderson, 1980; Kahin, 2013; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Di Indonesia, pada 15 Ogos 1945, Sutan Syahrir telah mendengar berita melalui radio bahawa Jepun telah menyerah kepada Amerika Syarikat. Hal ini telah menyebabkan pejuang-pejuang kemerdekaan Republik Indonesia bersiap sedia untuk memproklamasikan kemerdekaan, tanpa mendapat kebenaran dari pihak kerajaan tentera Jepun di Jakarta. Berbeza dengan Soekarno dan Mohamad Hatta, yang pada zaman Jepun berkolaborasi, maka Sutan Syahrir berjuang dan bergerak di bawah tanah (underground movement) atau tidak berkolaborasi secara politik dengan Jepun (Anderson, 1980; Sardiman & Lestariningsih, 2014; Mrazek, 2025).

Pada 12 Ogos 1945, Jepun melalui Marsekal Terauchi di Dalat, Vietnam, menyampaikan kepada Soekarno, Mohamad Hatta, dan Radjiman Widyodiningrat bahawa pemerintah Jepun akan segera memberikan kemerdekaan kepada Indonesia dan proklamasi kemerdekaan akan dapat dilaksanakan dalam beberapa hari lagi. Namun ia bergantung kepada persediaan yang dilakukan oleh ahli-ahli PPKI di Jakarta (Anderson, 1980; Kahin, 2013; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Sesampai sahaja di Tanah Air, dua hari kemudian, mereka bertiga telah didesak oleh Sutan Syahrir agar Soekarno dan Mohamad Hatta memproklamasikan kemerdekaan dengan segera, kerana beranggapan bahawa pertemuan di Dalat bersama Marsekal Terauchi hanyalah tipu muslihat Jepun sahaja. Namun bagi Soekarno dan Mohamad Hatta, Sutan Syahrir tidak berhak memproklamasikan kemerdekaan, kerana ia adalah hak PPKI dan Sutan Syahrir bukan ahlinya. Manakala Sutan Syahrir pula menganggap PPKI adalah badan yang telah dipergunakan dan jadi tanggungan politik Jepun, sehingga bila proklamasi kemerdekaan Indonesia dianjurkan oleh PPKI hanya merupakan "hadiah" daripada Jepun sahaja (Anderson, 1980; Sardiman & Lestariningsih, 2014; Mrazek, 2025).

Pada 15 Ogos 1945, Jepun menyerah kepada Amerika Syarikat. Namun Tentera Darat dan Angkatan Laut Jepun masih berkuasa di Indonesia, kerana Jepun telah berjanji akan mengembalikan kekuasaan di Indonesia ke tangan Amerika Syarikat. Sebaik sahaja Sutan Syahrir, Wikana,

Darwis, Adam Malik, dan Chaerul Saleh mendengar bahawa Jepun bakal menyerah kalah, “golongan muda” mendesak “golongan tua” (yang diwakili oleh Soekarno dan Mohamad Hatta) untuk segera memproklamasikan kemerdekaan, namun “golongan tua” tidak mahu tergesa-gesa, kerana bimbang berlaku pertumpahan darah. Bagi “golongan tua”, macam Soekarno, Mohamad Hatta, dan Achmad Subardjo, perbincangan perlu dilakukan bersama ahli-ahli PPKI. Manakala “golongan muda” pula tidak bersetuju, kerana beranggapan bahawa PPKI adalah badan yang dibentuk oleh Jepun. Natiujahnya, “golongan muda” menginginkan kemerdekaan atas usaha bangsa sendiri, bukan pemberian dari Jepun (Malik, 1979; Anderson, 1980; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Selanjutnya, Soekarno dan Mohamad Hatta telah berjumpa Gunseikanbu (Tentera Darat Kerajaan Jepun) di pejabatnya, Medan Merdeka, Jakarta, untuk mendapatkan kepastian, namun pejabat tersebut kosong. Lalu, mereka berdua bersama Achmad Soebardjo ke pejabat Laksamana Muda Maeda, iaitu Bukanfu (Wakil Tentera Laut Jepun) di Jakarta dan telah disambut dengan ucapan tahniah atas keputusan yang diperolehi semasa di Dalat, Vietnam, sambil menyatakan bahawa beliau masih menunggu kepastian dan arahan dari Tokyo, Jepun (Subardjo, 1978; Malik, 1979; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Sebaik sahaja pulang, Sekarno dan Mohamad Hatta merancang untuk melakukan perjumpaan dengan ahli-ahli PPKI pada pukul 10 pagi, tarikh 16 Ogos 1945, bagi membincangkan berkenaan persiapan proklamasi kemerdekaan Indonesia. Sehari selepas itu, telah berlaku peristiwa “Rengas Dengklok”. Ekoran peristiwa itu, perjumpaan dengan ahli-ahli PPKI tidak dapat dilakukan. Peristiwa “Rengas Dengklok” merupakan peristiwa menculik dan membawa Soekarno dan Mohamad Hatta ke Rengas Dengklok, Karawang, daerah PANTURA (Pantai Utara) Jawa Barat, yang berlaku pada 16 Ogos 1945. Tujuannya adalah supaya mereka (Soekarno dan Mohamad Hatta) tidak terpengaruh oleh Jepun dan proklamasi kemerdekaan dapat dilaksanakan dengan segera (Legge, 1985; Sardiman & Lestariningsih, 2014; Noer, 2018).

Dalam masa yang sama, di Jakarta, “golongan muda” diwakili oleh Wikana dan “golongan tua” diwakili oleh Achmad

Soebardjo telah berunding dan bersetuju untuk memproklamasikan kemerdekaan Indonesia di Jakarta. Maka mereka telah menghantar Achmad Subardjo ke Rengas Dengklok bagi menjemput Soekarno dan Mohamad Hatta. Akhirnya, Soekarno dan Mohamad Hatta kembali ke Jakarta, dan Achmad Soebardjo berjaya menyakinkan para pemuda untuk tidak tergesa-gesa memproklamasikan kemerdekaan Indonesia (Subardjo, 1978; Malik, 1979; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Sebaik kembali daripada Rengas Dengklok, mereka merumuskan teks proklamasi kemerdekaan Indonesia, yang telah ditulis di rumah Laksamana Tadashi Maeda. Penyusunan teks proklamasi telah dilakukan oleh Soekarno, Mohamad Hatta, Ahmad Soebardjo daripada “golongan tua”; manakala daripada “golongan muda” disaksikan oleh Soekarni, B.M. (Burhanuddin Muhammad) Diah, Sudiro, Adam Malik, dan sebagainya. Deraf teks proklamasi ditulis sendiri oleh Soekarno. Setelah mendapat persetujuan bersama, Sajuti Melik menaip naskah tersebut dan ditandatangani oleh Soekarno dan Mohamad Hatta, atas nama “Bangsa Indonesia”. Pada hari Juma’at, tarikh 17 Ogos 1945, jam 10.00 pagi, teks proklamasi kemerdekaan Indonesia dibacakan oleh Soekarno, yang dikongsi dan didampingi oleh Mohamad Hatta. Sebaik teks proklamasi dibacakan, bendera Merah-Putih dikibarkan dan hadirin menyanyikan lagu “Indonesia Raya” (Legge, 1985; Sardiman & Lestariningsih, 2014; Noer, 2018).

Manakala di Tanah Melayu, rancangan kemerdekaan terus berlangsung, meskipun tempoh Darurat belum lagi tamat sejak 1948 lagi. Sememangnya, British kembali ke Tanah Melayu pada September 1945 dan mencadangkan untuk menyatukan semua negeri Melayu di bawah satu sistem pentadbiran pusat yang baru dan dikenali sebagai Malayan Union. Harold Mac Michael telah dipertanggungjawabkan untuk memperoleh persetujuan daripada Raja-raja Melayu. Pada Januari 1946, perlembagaan Malayan Union diluluskan; dan pada 14 April 1946, Malayan Union telah diisytiharkan dengan rasminya. Edward Gent dilantik sebagai Gabenor-nya yang pertama (Lau, 1991; Andaya & Andaya, 2001; Hasan et al., 2019).

Cadangan British untuk membentuk Malayan Union telah mendapat tentangan hebat dan meluas daripada orang

Melayu, sehingga terbentuknya UMNO (United Malay Nation Organization) pada 11 Mei 1946. Hal ini kerana, antara sset yang dilakukan oleh ssetan Malayan Union ialah mengambil alih semua sset negeri-negeri Melayu, kecuali sset yang berkaitan dengan agama Islam dan harta peribadi Sultan Melayu (Lau, 1991; Muhammad, 2014; Hasan et al., 2019).

Selepas Malayan Union dibubarkan, satu rundingan diadakan antara Edward Gent dan Raja-raja Melayu serta Dato' Onn Jaafar untuk menggubal satu perlembagaan baru menggantikan perlembagaan Malayan Union. Kerajaan British menggantikan Malayan Union dengan pemerintahan baharu, yang dikenali sebagai Malayan Federation, atau "Persekutuan Melayu", pada 1 Februari 1948. Sistem pentadbiran ini masih terus mendapat tentangan daripada sesetengah golongan, terutama bukan Melayu. Sebagai reaksi kaum-kaum bukan Melayu terhadap perlembagaan "Persekutuan Melayu", mereka telah menubuhkan "Majlis Tindakan Bersama Tanah Melayu", atau AMCJA (All Malayan Council of Joint Action), yang dipimpin oleh Tan Cheng Lock, pada 22 Disember 1946 untuk menentang cadangan tersebut (Nasir & Abdullah, 1992; Hasan et al., 2019; Marzali, 2019).

PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat), yang ditubuhkan pada awal 1947, kemudiannya bergabung dengan AMCJA pada bulan Mac 1947 untuk menentang rancangan "Persekutuan Tanah Melayu". Gabungan AMCJA dengan PUTERA telah bersetuju meluluskan satu "Perlembagaan Rakyat" yang berasaskan kepada kepada 10 prinsip perjuangan, tetapi telah ditolak oleh British. Pada 1 Februari 1948, British, dengan sokongan kuat UMNO, telah mengisytiharkan "Persekutuan Tanah Melayu" dengan satu perlembagaan yang baru. Perlembagaan ini merupakan langkah awal ke arah kemerdekaan Tanah Melayu (Andaya & Andaya, 2001; Adam, 2013; Hasan et al., 2019).

Parti Perikatan, yang pada mulanya terdiri daripada UMNO dan MCA (Malaysian Chinese Association), mengadakan Konvensyen Kebangsaan, yang menuntut supaya PRU (Pilihan Raya Umum) diadakan. British bersetuju mengadakan PRU pada tahun 1955. Pada 27 Julai 1955, PRU pertama diadakan di seluruh Tanah Melayu. Antara parti-parti yang bertanding ialah Perikatan daripada UMNO, MCA, dan MIC (Malaysian Indian Congress), Parti Islam se-Tanah Melayu; Parti Negara; Parti Buruh; dan Parti Progresif Rakyat. Parti Perikatan

menang besar dalam PRU 1955 ini (Carnell, 1955; Andaya & Andaya, 2001; Hasan et al., 2019).

Pada Januari 1956, Tunku Abdul Rahman telah mengetuai utusan ke London untuk mengadakan rundingan kemerdekaan. Rombongan itu disertai empat orang wakil Parti Perikatan dan empat orang wakil Raja-raja Melayu. Pada Februari 1956, kedua-dua belah pihak telah menandatangani Perjanjian London dan pihak Inggeris telah bersetuju untuk memberikan kemerdekaan pada tahun 1957 (Andaya & Andaya, 2001; Alias, 2015; Hasan et al., 2019).


Detik bersejarah yang ditunggu-tunggu oleh rakyat Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957, iaitu di Padang Kelab Selangor (Dataran Merdeka), pengisytiharan kemerdekaan dan majlis rasmi menandatangani pengisytiharan kemerdekaan di stadium yang baru sahaja siap itu dan terus dinamakan "Stadium Merdeka". Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai PM (Perdana Menteri) Malaysia yang pertama, 1957-1970 (Adam, 2004; Alias, 2015; Hasan et al., 2019).

Akhirnya, naratif dan analisis dalam buku teks Sejarah Indonesia untuk SMA (Sekolah Menengah Atas), bersabit kronologi kemerdekaan Indonesia, dapat dilihat dalam rajah 1.


Bila dirajahkan pula, maka naratif dan analisis buku teks Sejarah Tingkatan 4, bersabit kronologi kemerdekaan Tanah Melayu, dapat dilihat dalam rajah 2.

Perjuangan Bapak Kemerdekaan di Indonesia dan Malaysia. Indonesia dan Malaysia ada figura atau tokoh yang diiktiraf sebagai "Bapak Kemerdekaan" dalam naratif sejarah kontemporari. Soekarno dan Mohamad Hatta ialah tokoh proklamator dan "Bapak Kemerdekaan Indonesia". Manakala, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Tun Abdul Razak pula di iktiraf sebagai "Bapak Kemerdekaan Malaysia". Penjelasan dan kupasan berikut ini diberi tumpuan kepada figura Soekarno daripada Indonesia dan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sahaja daripada Malaysia dalam memperjuangkan kemerdekaan Indonesia pada 1945 dan kemerdekaan Tanah Melayu pada 1957.

Perjalanan perjuangan Presiden Soekarno dapat didedahkan seperti berikut: beliau adalah Presiden pertama Republik Indonesia dan lebih dikenali dengan panggilan Bung Karno. Beliau dilahirkan di Surabaya pada 6 Jun 1901. Beliau berasal dari Blitar, Jawa Timur, Indonesia. Beliau adalah pejuang proklamasi kemerdekaan, bersama dengan



Rajah 1:  
Analisis Buku Teks Sejarah Indonesia untuk SMA (Sekolah Menengah Atas)  
Bersabit Kronologi Kemerdekaan Indonesia



Rajah 2:  
Analisis Buku Teks Sejarah Tingkatan 4  
Bersabit Kronologi Kemerdekaan Tanah Melayu

Mohamad Hatta, Timbalan Presiden pertama (1945-1956) daripada ranah Minang, Sumatera Barat (Legge, 1985; Dahm, 1987; Noer, 2018).

Soekarno mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah pada zaman Belanda, iaitu HIS (Holland Inland School), kemudian beliau telah melanjutkan pendidikannya ke sekolah menengah, iaitu HBS (Hoogere Burger School). Di sini, beliau telah mendapat banyak ilmu pengetahuan, yang mana jiwa nasionalisme akan “bangsa Indonesia” menjadi lebih bersemangat. Sebaik sahaja lulus dari HBS, beliau telah masuk ke THS (Technische Hooge School), yang sekarang dikenali sebagai ITB (Institut Teknologi Bandung). Beliau telah dianugerahkan gelaran sebagai Professional Engineer (Ir.) pada 25 Mei 1926. Selepas tamat pengajian di THS, pada 4 Julai 1927, beliau menubuhkan PNI (Parti Nasional

Indonesia) dan kemudiannya mengamalkan ajaran Marhaenisme, iaitu sosok petani Sunda, Marhaen, yang ada modal kecil, saiz tanah kecil, dan alat produksi (cangkul) yang juga kecil, sederhana, dan dhaif hidupnya. Tujuan PNI ditubuhkan, selain untuk membela kaum Marhaen, ialah juga untuk mendapatkan kemerdekaan untuk bangsa Indonesia dan bebas dari penjajahan Belanda (Legge, 1985; Dahm, 1987; Adams, 2018).

Soekarno pernah dipenjarakan di Banceuy dan Sukamiskin, Bandung oleh kerajaan kolonial Belanda pada 1929, akibat dari sifat keberaniannya, hingga dibebaskan pada 1931. Menurut Belanda, Soekarno seorang tahanan berbahaya yang mampu menghasut orang lain untuk merdeka. Beliau telah diasingkan bersama tahanan elite yang terdiri daripada orang Belanda agar segala maklumat dari luar tidak sampai kepada Soekarno (Legge, 1985; Dahm, 1987; Adams, 2018).

Setelah berbulan-bulan berada di penjara Sukamiskin, Bandung, telah mengakibatkan beliau terputus hubungan dengan teman-teman seperjuangan. Namun, tidak sukar baginya untuk mendapatkan maklumat dari luar, yang mana beliau telah mendapat idea, iaitu menggunakan telur sebagai media untuk berkomunikasi dengan isterinya, Inggit Garnasih, wanita Sunda. Isteri beliau akan membawa telur masin sekiranya temannya mengalami kesukaran. Namun semua itu tidak pasti kesahannya, kerana Soekarno diawasi ketat dan setiap barang yang dibawa untuknya diperiksa dengan teliti oleh pihak Polis Belanda (Ramadhan, 1988; Suwirta, 2009; Adams, 2018).

Soekarno sekali lagi ditangkap oleh Belanda pada 1933 dan diasingkan ke Ende, Flores di Nusa Tenggara Timur, selama empat tahun, hingga dipindah-buang ke Bengkulu, Sumatera, sebelum tentera Jepun menguasai Indonesia pada 1942. Kali ini beliau ditahan-buang, kerana mengatakan bahawa Belanda sebagai bangsa yang tamak, menindas, dan merampas kemerdekaan bangsa Indonesia. Kesannya, PNI yang ditubuhkan oleh Soekarno dibubarkan pada Julai 1930, kerana telah membuatkan Belanda marah. Soekarno selepas dipindah-buang ke Bengkulu bertemu dengan Mohamad Hatta, sebaik dipindah-buang juga dari Bandaneira, Kepulauan Maluku. Bermula dari saat itu mereka menjadi teman seperjuangan, yang

memproklamasikan kemerdekaan bangsa Indonesia (Legge, 1985; Dahm, 1987; Noer, 2018).

Pada 17 Ogos 1945, Soekarno dan Mohamad Hatta memproklamasikan kemerdekaan Indonesia dari penjajahan Jepun; dan pada tarikh tersebut juga dipanggil sebagai “Hari Kemerdekaan Indonesia”. Pada 1 Jun 1945, sebelum mengisytiharkan kemerdekaan, Soekarno juga mencadang dan mensyorkan Panca Sila sebagai dasar atau rukun negara Indonesia. Selepas proklamasi kemerdekaan, Soekarno dilantik sebagai Presiden pertama negara Indonesia (1945-1968); manakala Mohamad Hatta sebagai Timbalan Presiden pertama negara Republik Indonesia (1945-1956). Sejak 1956 hingga 1968, Soekarno tidak ada Timbalan Presiden (Legge, 1985; Adams, 2018; Noer, 2018).

Setelah menamatkan perkhidmatan sebagai Presiden Republik Indonesia, samada pada masa revolusi kemerdekaan Indonesia (1945-1950) dan masa Kerajaan Demokrasi Parleментар (1950-1959) mahupun masa Kerajaan Demokrasi Terpimpin (1959-1968), Soekarno banyak menghabiskan masanya di Istana Presiden di Bogor, Jawa Barat. Hatta, Soekarno pula diambil tindakan kena tahanan rumah, ekoran disyaki terbabit dalam peristiwa Tragedi Nasional, iaitu G-30-S (Gerakan 30 September) 1965, yang ramai terkorban dan menjadi mangsa, samada daripada pihak TNI-AD (Tentera Nasional Indonesia – Angkatan Darat) mahupun PKI (Parti Komunis Indonesia). Akhirnya, pada 21 Jun 1970, beliau meninggal dunia setelah tahap kesihatannya semakin menurun. Walau bagaimanapun, Soekarno telah digelar sebagai “Pahlawan Proklamasi” oleh kerajaan Orde Baru (1968-1998) di atas segala jasa-jasanya kepada bangsa Indonesia (Legge, 1985; Elson, 2005; Roosa, 2008).

Manakala perjalanan perjuangan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, yang dikenali dan dipanggil “Tunku”, adalah seperti berikut: beliau dilahirkan pada 8 Februari 1903 di Alor Star, Kedah. Tunku merupakan anak ke-20 kepada Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan Makche Manjalara. Tunku seorang putera raja, yang mempunyai adik-beradik yang ramai dan kaum kerabat yang besar jumlahnya, tetapi tidak dalam lingkungan yang akan mewarisi takhta kerajaan negeri. Namun, Tuhan telah menentukannya menjadi pemimpin rakyat seluruh negara Malaysia. Pemerintahannya

itu tidak berdasarkan warisan, tetapi atas pemilihan rakyat (Adam, 2004; Nair, 2011; Alias, 2015).

Perjuangan Tunku bermula setelah tamat Perang Dunia Kedua (1939-1945), yang mana beliau telah menyertai politik menentang Malayan Union dan membangkitkan kesedaran ke arah kemerdekaan. Bersama-sama pemimpin lain dalam UMNO (United Malays Nation Organization/Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu), Tunku berusaha menyatupadukan tenaga orang-orang Melayu. UMNO yang telah ditubuhkan dan dipimpin oleh Datuk Onn Jaafar pada 1946, bagi menyahut kehendak-kehendak kebangsaan Melayu, tetapi dalam beberapa hal dasar, Tunku tidak bersetuju dengan pendapat yang ada (Adam, 1992 dan 2004; Nair, 2011; Alias, 2015).

Tunku dilantik sebagai Yang Dipertua UMNO yang ke-2, setelah Dato Onn Jaafar meletakkan jawatan, ekoran terjadinya satu krisis pada Ogos 1951. Pada waktu permulaan kepimpinan Tunku, tugas terpenting beliau ialah memupuk kerjasama antara kaum dan mencapai persetujuan atas perkara-perkara utama bagi sesebuah pemerintahan negara merdeka. Tunku berusaha dengan yakin, sabar, dan tawakal bagi menyatupadukan kaum-kaum; disamping menjaga keutuhan bangsa Melayu dan MCA (Malayan Chinese Association/Pertubuhan Cina Tanah Melayu) dan akhirnya terbentuk “Perikatan”, iaitu UMNO-MCA yang telah memberi kemenangan kepada kedua-duanya dalam PRU (Pilihan Raya Umum) pertama dan sebelum merdeka di Tanah Melayu pada 1955 (Adam, 1992 dan 2004; Nair, 2011; Alias, 2015).

Manakala menjelang PRU 1955, parti “Perikatan” disertai pula oleh MIC (Malayan Indian Congress/Kongres India Tanah Melayu). Dengan pertubuhan “Perikatan” ini, semua kaum yang penting adalah terwakil dalam sebuah badan politik yang besar dan bergerak menuju kemerdekaan. Pada PRU yang pertama itu, “Perikatan” mencapai kejayaan cemerlang dengan memperoleh 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan (Kasim & Ahmad, 2002; Adam, 2003 dan 2004).

Tunku yang memegang jawatan sebagai Ketua Menteri dan Menteri Dalam Negeri berusaha dan berazam untuk menewaskan PKM (Parti Komunis Malaya) pimpinan Chin Peng dalam Rundingan Baling di Kedah, pada 28-29 Disember 1955, hingga berjaya menamatkan Darurat sejak

1948, yang disebabkan oleh pengganas Komunis dan pemimpin Melayu melampau, seperti Rashid Maidin. Walaupun Rundingan Baling ini mengalami kegagalan, Tunku boleh menunjukkan bahawa samada kaum Melayu, China, dan India di Tanah Melayu sudah buang undi dan mengiktiraf beliau sebagai PM (Perdana Menteri) pertama Persekutuan Tanah Melayu (Peng, Ward & Mirflor, 2003; Adam, 2004; Haniffa et al., 2026).

Tunku juga yang mengetuai rombongan ke London untuk berbincang dengan kerajaan British mengenai kemerdekaan Tanah Melayu dan telah meyakinkan kerajaan British supaya menetapkan tarikh kemerdekaan, iaitu pada 31 Ogos 1957. Maka, pada 30 Ogos 1957, di Padang Kelab Selangor, jam 12 tengah malam, bendera Tanah Melayu dinaikkan menggantikan bendera Union Jack; dan pada awal pagi 31 Ogos 1957, di Stadium Merdeka, Tunku membaca pengisytiharan kemerdekaan dan melaungkan “Merdeka” sebanyak 7 kali. Enam tahun kemudian, iaitu pada 16 September 1963, wilayah negara Tanah Melayu telah diperluaskan dengan penubuhan Persekutuan Malaysia, mengikut cadangan Tunku, sehingga beliau telah dan layak diberi gelaran “Bapak Malaysia” di atas jasa, peranan, serta sumbangan idea dan tindakan politiknya (Andaya & Andaya, 2001; Adam, 2004; Lupita, Rachmandani & Putrico, 2026).

Semasa tempoh perkhidmatan Tunku sebagai Perdana Menteri (1957-1970), banyak usaha yang telah dilakukan, termasuklah, antaranya, dalam konfrontasi dengan Indonesia (1963-1966), tuntutan wilayah Sabah oleh Filipina (1963-kini), penyingkiran Singapura dari Malaysia pada 1965, dan peristiwa Tragedi Nasional, iaitu Rusuhan Kaum pada 13 Mei 1969. Tunku berusaha mengukuhkan pemerintahan negara Malaysia melalui perpaduan kaum dan kemajuan ekonomi negara. Kesimpulannya, Tunku ialah seorang yang istimewa dan telah dilahirkan untuk memimpin masyarakat dan negara yang berbilang kaum dalam keadaan dinamik dan mencabar seperti di Malaysia (Rahman, 2007; Adam, 2004; Suwirta, 2010).

Hakikatnya, ramai pemimpin samada di Malaysia mahupun di rantau Asia Tenggara yang luas pengetahuan akademiknya atau pun petah berbicara, seperti Presiden Soekarno daripada Indonesia contohnya. Tapi belum tentu mampu mengemudi negara Malaysia dalam liku-liku

hubungan perkauman yang dinamik dan pelik, dimana memerlukan kebijaksanaan, sikap tolak-ansur, dan kesabaran yang bukan sedikit dari seorang pemimpin negara. Tunku memang tidak mempunyai ilmu yang banyak, namun beliau mempunyai kepribadian yang mampu memupuk satu keyakinan pada orang-orang yang mendampinginya (Legge, 1985; Adam, 2004; Chew, 2008).

Tunku meletakkan jawatannya sebagai PM Malaysia pada 1970 dan sebagai Presiden UMNO pada 1971, ekoran wujudnya Tragedi Nasional berupa rusuhan kaum (khususnya antara Melayu dan China) di Kuala Lumpur pada 13 Mei 1969. Serupa nasibnya dengan Presiden Soekarno, selepas Tragedi Nasional pada 30 September 1965, dan seterusnya, beliau ditukar kepimpinan negara Indonesia oleh Jeneral Soeharto; Tunku pun diganti oleh Timbalan PM Malaysia, iaitu Tun Abdul Razak. Bila Presiden Indonesia kedua, Jeneral Soeharto, membentuk kerajaan Orde Baru; PM Malaysia kedua pula, Tun Abdul Razak, memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (Legge, 1985; Adam, 2004; Elson, 2005; Mahmud, 2011).

Berbeza dengan Bung Karno, yang selepas tidak menjadi Presiden Indonesia meninggal dunia pada 1970, dalam usia 69 tahun; Tunku, selepas bersara dari dunia politik, telah memegang jawatan sebagai Setiausaha Agung pertama OIC (Organization of Islamic Countries/Pertubuhan Kerjasama Negara-negara Islam) serta memimpin banyak pertubuhan kebajikan Islam di Malaysia. Bila Presiden Indonesia pertama, Bung Karno, mungkin banyak menderita, maka Tunku boleh menyatakan dirinya sebagai "PM Malaysia paling bahagia di Dunia". Tunku akhirnya mangkat pada 6 Disember 1990, dalam usia 87 tahun (Legge, 1985; Adam, 2004).

## RUMUSAN

Kesimpulannya, perbincangan di atas adalah berkenaan faktor-faktor yang menyumbang kepada kebangkitan semangat nasionalisme di kalangan rakyat sesebuah negara, sehingga mereka mengharapkan kehidupan yang lebih baik dan bebas dari cengkaman penjajah.

Indonesia dan Tanah Melayu pada ketika itu telah mengambil peluang kejatuhan Jepun akibat Perang Dunia Kedua (1939-1945) untuk dijadikan alasan yang cukup kuat bagi membebaskan diri daripada penjajah. Para pemimpin

pada ketika itu berusaha keras dalam memastikan bahawa hasrat rakyat untuk merdeka tercapai.

Oleh yang demikian, generasi hari ini perlu menyemaikan semangat cinta akan Tanah Air dengan mempertahankan negara, walau apa cara sekalipun agar negara yang telah bebas ini tidak tergadai dan dijajah kembali.

Kurikulum pembelajaran mengenai sejarah negara sendiri amat perlu diperincikan lagi agar mereka mengetahui secara lebih mendalam bagaimana sukarnya ingin membebaskan sesebuah negara yang dijajah, selain menerapkan nilai-nilai patriotisme di kalangan pelajar agar generasi muda tahu menghargai dan bersyukur dengan apa yang dikecapi pada hari ini.

## Referensi

- Adam, Ahmat. (2003). *Sejarah Awal Pers dan Kebangkitan Kesedaran ke-Indonesiaan, 1855-1913*. Jakarta: Pustaka Utan Kayu, Terjemahan.
- Adam, Ahmat. (2013). *Melayu, Nasionalisme Radikal, dan Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit UM [Universiti Malaya].
- Adam, Ramlah. (1992). *Dato' Onn Ja'afar: Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Adam, Ramlah. (2003). *Sejarah Perkembangan Pilihan Raya Era Pra-Merdeka, 1955*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Adam, Ramlah. (2004). *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adams, Cindy. (2018). *Bung Karno: Penyambung Lidah Rakyat Indonesia*. Yogyakarta: Yayasan Bung Karno, terjemahan Syamsu Hadi, edisi revisi.
- Aidan, B. (2020). "Pengaruh Sun Yat Sen di Tanah Melayu" dalam *Tahu Tuai*, pada 27 Disember. Wujud pula dalam talian di: <https://tahutuai.com/pengaruh-sun-yat-sen-di-tanah-melayu> [dilayari di Bandung, Jawa Barat, Indonesia: 11 Mac 2025].
- Alfaq, Mifdal Zusron. (2015). "Memahamin Indonesia melalui Perspektif Nasionalisme, Politik Identitas, serta Solidaritas" dalam *Jurnal Pendidikan Pancasila dan Kewarganegaraan*, Volume 28(2), ms.111-116.
- Alias, Abdul Mun'im bin. (2015). "Konsep Perjuangan Tunku Abdul Rahman tentang Kemerdekaan Malaysia dalam Perspektif Islam di Negara Malaysia". Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan. Jakarta: Program Studi Jinayah Siyasah, Fakultas Syariah dan Hukum, UIN [Universitas Islam Negeri] Syarif Hidayatullah. Wujud dalam talian pula di: <https://repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream/123456789> [dilayari di Bandung, Jawa Barat, Indonesia: 18 Mac 2025].
- Andaya, Barbara W. & Leonard Y. Andaya. (2001). *A History of Malaysia*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Anderson, Benedict. (1980). *Revoloesi Pemoeda: Pendudukan Jepang dan Perlawanan di Jawa, 1944-1966*. Jakarta: Penerbit Sinar Harapan, Terjemahan.
- Arcanita, R. et al. [G. Putrajaya, I. Warsah & M. Istan]. (2023). "Kiat Penelitian dengan Model Pendekatan Telaah Kepustakaan" dalam *TIK Ilmu: Jurnal Ilmu Perpustakaan dan Informasi*, Volume 7(1), ms.117-126.
- Athirah, Aina. (2021). "Komunisme dan Darurat Malaya". Wujud dalam talian di: <https://www.jejaktarbiah.com/komunisme-dan-darurat-malaya> [dilayari di Bandung, Jawa Barat, Indonesia: 2 Mac 2025].

- Carnell, Francis G. (1955). "Malaya Election" in *Pacific Affairs*, Volume 28(4), December, pp.315-330.
- Chew, Fong Peng. (2008). *Budaya dan Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Cipta, S.E., B. Kanumoyoso & W. Darmawan. (2024). "Gagasan 'Indonesia Raya' di Semenanjung Malaya dalam Sejarah Pergerakan Malaysia (1945-1950)" dalam *KALPATARU: Jurnal Sejarah dan Pembelajaran Sejarah*, Volume 10(1), Julai, ms.1-11.
- Collins, J.T. (2005). *Bahasa Melayu Bahasa Dunia: Sejarah Singkat*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, Terjemahan.
- Creswell, Jhon W. (2007). *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing among Five Approaches*. London: Sage Publications, second edition.
- Dahm, Bernhard. (1987). *Sukarno dan Perjuangan Kemerdekaan*. Jakarta: Penerbit LP3ES, Terjemahan.
- Elson, R.E. (2005). *Suharto: Sebuah Biografi Politik*. Jakarta: Pustaka Minda Utama, Terjemahan.
- Elson, R.E. (2008). *The Idea of Indonesia: A History*. Cambridge, UK [United Kingdom]: Cambridge University Press.
- Fathi, S.A. (2025). "Aspek yang Menghubungkan Orang Cina di Tanah Melayu dengan Negara China, 1850-2000" dalam *Jurnal Melayu Sedunia*, Volume 8(1), ms.104-115.
- Festiyani, Tamara. (2024). "Pengaruh Belanda di Jawa: Kolonialisme dan Pembangunan Infrastruktur" dalam *Suara Indonesia: Berani Menyampaikan Fakta*, pada 20 September. Wujud dalam talian pula di: <https://suaraindonesia.co.id/news/peristiwa> [dilayari di Bandung, Jawa Barat, Indonesia: 2 Mac 2025].
- Foulcher, K. (2000). "Sumpah Pemuda: The Making and Meaning of a Symbol of Indonesian Nationhood" in *Asian Studies Review*, Volume 24(3), pp.377-410. Available online also at: <https://doi.org/10.1080/10357820008713281> [accessed in Bandung, West Java, Indonesia: March 2, 2025].
- Haniffa, M.A. et al. [M.K. Saidon, Z. Bahador & S. Ismail]. (2026). "The War Goes On: Penelitian terhadap Transkrip Rundingan Baling, 28 dan 29 Desember 1955" dalam *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, Volume 7(2), ms.89-101.
- Hasan, Ridzuan bin et al. [Sharifah Afidah binti Syed Hamid, Muslimin bin Fadzil & Subramanian a/I Rahman]. (2019). *Sejarah Tingkatan 4: Kurikulum Standard Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussiin, Hasnah binti. (2023). "Permasalahan yang Dihadapi oleh British Semasa Menduduki Tanah Melayu dari Kacamata British, 1786-1957" dalam *International Journal of Humanities, Technology, and Civilization*, Volume 8(1), ms.36-41.
- Kahin, George McTurnan. (2013). *Nasionalisme dan Revolusi Indonesia*. Jakarta: Komunitas Bambu, Terjemahan.
- Kasim, Mohd Yusof & Azlan Ahmad. (2002). *Politik Baru dalam Pilihanraya Umum. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia]*.
- Khambali@Hambali, Khadijah Mohd & Nor Adina Abdul Kadir. (2005). "Pengaruh Al-Azhar terhadap Sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu-Malaysia" dalam *Jurnal Usuluddin*, Volume 22(3), ms.27-56.
- Kheng, Cheah Boon. (2012). *Red Star over Malaya: Resistance and Social Conflict during and after the Japanese Occupation, 1941-1946*. Singapura: NUS [National University of Singapore] Press.
- Kratoska, Paul H. (2018). *The Japanese Occupation of Malaya and Singapore, 1941-1945: A Social and Economic History*. Singapura: NUS [National University of Singapore] Press, 2<sup>nd</sup> edition.
- Lapidus, Ira M. (2002). *A History of Islamic Societies*. Cambridge, UK [United Kingdom]: Cambridge University Press.
- Lau, Albert. (1991). *The Malayan Union Controversy, 1942-1948*. Singapore and New York: Oxford University Press.

- Legge, John D. (1964). Indonesia. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall.
- Legge, John D. (1985). Sukarno: Sebuah Biografi Politik. Jakarta: Penerbit Sinar Harapan, Terjemahan.
- Lupita, E.I., R. Rachmandani & N.R. Putrico. (2026). "Perjalanan Malaysia: Dari Zaman Kemerdekaan hingga Zaman Modern" dalam Jurnal Pustaka Cendekia Hukum dan Ilmu Sosial, Volume 4(1), February-May, ms.1356-1366.
- Mahayana, Maman S. (2007). "Gerakan Budaya Menjelang Kemerdekaan Indonesia-Malaysia" dalam Makara Human Behavior Studies in Asia, Volume 11(2), hlm.48-56. Wujud secara online pula di: <https://doi.org/10.7454/mssh.v11i2.110> [dilayari di Bandung, Jawa Barat, Indonesia: 2 Mac 2025].
- Mahmud, Anuar Nik. (2011). Biografi Tun Abdul Razak: Negarawan dan Patriot. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Malik, Adam. (1979). Mengabdikan Republik, Jilid 2. Jakarta: PT Gunung Agung.
- Marzali, Amri. (2019). "Isu 'Ketuanan Melayu' di Malaysia" dalam Jurnal Kajian Wilayah, Volume 10(2), ms.1-20.
- Mrazek, Rudolf. (2025). Syahrir: Politik dan Pengasingan di Indonesia. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia, Terjemahan, edisi revisi.
- Muhammad, Melissa. (2014). Ke Arah Pembentukan Negara Malaysia. Selangor: Pustaka Gedung Ilmu.
- Nair, Prabhakaran S. (2011). Prince among Men: Recollections and Reflections on Tunku Abdul Rahman Putra. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- Nasir, Zulkifli Mohd & A. Karim Abdullah. (1992). UMNO Teras Politik, Melayu Teras Negara: Dokumentasi Pemikiran Pemimpinpemimpin UMNO. Kuala Lumpur: Bukuraya Media.
- Noer, Deliar. (1991). Gerakan Modern Islam di Indonesia, 1900-1942. Jakarta: Penerbit LP3ES.
- Noer, Deliar. (2018). Biografi Politik Mohammad Hatta. Jakarta: Penerbit Buku Kompas.
- Peng, Chin, Ian Ward & Norma Mirflor. (2003). Alias Chin Peng: My Side of History. Kuala Lumpur: Media Masters.
- Rahman, Tunku Abdul. (2007). 13 Mei: Sebelum dan Selepas. Kuala Lumpur: Utusan Melayu, edisi pertama 1969.
- Ramadhan, K.H. (1988). Kuantar ke Gerbang: Kisah Cinta Ibu Inggit dengan Bung Karno. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan.
- Roff, William R. (2003). Nasionalisme Melayu. Kuala Lumpur: Penerbit UM [Universiti Malaya], penterjemah Ahmad Boestamam.
- Roosa, John. (2008). Dalah Pembunuhan Massal: Gerakan 30 September dan Kudeta Suharto di Indonesia. Jakarta: Penerbit ISSI (Institut Sejarah Sosial Indonesia), Terjemahan.
- Rosli, Sakinah. (2020). "Abu Bakar al-Baqir, Gunung Semanggol: Pendidikan, Politik & Persidangan Ekonomi" dalam Lestari Hikmah, pada 5 June. Wujud dalam talian pula di: <https://lestarihikmah.com/2020/06/abu-bakar-al-baqir-gunung-semanggol> [dilayari di Bandung, Jawa Barat, Indonesia: 11 Mac 2025].
- Rukanda, Subur. (2008). "Pemikiran Mahatma Gandhi tentang Perjuangan Nilai-nilai Kemanusiaan: Studi terhadap Prinsip Ahimsa, Satyagraha, Hartal, dan Swadeshi (1869-1948)". Skripsi Sarjana (S-1) Tidak Diterbitkan. Bandung: Program Studi Pendidikan Sejarah FPIPS UPI (Fakulti Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial, Universiti Pendidikan Indonesia).
- Sardiman, A.M. & Amurwani Dwi Lestariningsih. (2014). Sejarah Indonesia, Kelas XI Semester 1. Jakarta: Penerbit Kemdikbud RI [Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia].
- Singh, Vishal. (1961). "The Rise of Indonesia Political Parties" in Jurnal of Southeast Asian History, Volume 2(2), pp.43-66.
- Sjamsuddin, Helius. (2020). Metodologi Sejarah. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Smith, Anthony D. (1976). National Movement. London: The Macmillan Press, Ltd.
- Subardjo, Achmad. (1978). Kesadaran Nasional: Sebuah Otobiografi. Jakarta: PT Gunung Agung.

- Suwirta, Andi. (1999). "Zaman Pergerakan, Pers, dan Nasionalisme di Indonesia" dalam *Mimbar Pendidikan*, No.4, hlm.83-94.
- Suwirta, Andi. (2009). "Inggit Garnasih, Soekarno and the Age of Motion in Indonesia" in *TAWARIKH: International Journal for Historical Studies*, Volume 1(1), October, pp.71-82. Bandung, Indonesia: ASPENSI [Asosiasi Sarjana Pendidikan Sejarah Indonesia], ISSN 2085-0980.
- Suwirta, Andi. (2010). "Dua Negara-Bangsa Melihat Masa Lalunya: Konfrontasi Indonesia – Malaysia (1963-1966) sebagaimana Dikisahkan dalam Buku-buku Teks Sejarahnya di Sekolah" dalam *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Volume 3(2), November, ms.243-258. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press, UNIPA Surabaya, and UMS Kota Kinabalu, Malaysia, ISSN 1979-0112.
- TEM [Tim Editor Majalah] Tempo. (2015). Muhammad Yamin: Penggagas Indonesia yang Dihujat dan Dipuji. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.
- Utami, Silmi Nurul. (2025). "Sejarah Gagasan Persatuan RI dengan Malaysia yang Berujung Gagal" dalam *KOMPAS.COM*, Jakarta: 15 September. Wujud pula dalam talian di: <https://www.kompas.com/skola/read/2025/09/15/133000369/sejarah-gagasan-persatuan> [dilayari di Bandung, Jawa Barat, Indonesia: 15 Januari 2026].
- Vlekke, Bernard H.M. (1959). *Nusantara: A History of Indonesia*. The Hague: W. van Hoeve.
- Zakaria, Muhamad Al-Hafis. (2015). *Detik ke Arah Penubuhan Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Latar Ilmu.
- Zed, Mestika. (2025). *Metode Penelitian Kepustakaan*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.